

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI TADBIR**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Gred

Jadual Gaji Matriks

Gred N41 : P1T1 RM1690.28 - P1T27 RM4640.28

SYARAT LANTIKAN Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: P1T1); atau

- (b) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: P1T3)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang memiliki kelayakan dalam bidang statistik atau perakaunan.